



TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA
PROF. DATO' DR. ASMADI BIN MOHAMED NAIM
NAIB CANSOLOR**

**MAJLIS TAKLIMAT WARIS
BAGI SESI KEMASUKAN OGOS 2023**

11.00 pagi

14 Ogos 2023
(Selasa)

Dewan Tuanku Permaisuri
Hajah Haminah,
UniSHAMS

Salurtasi

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العلمين. والصلاة والسلام على رسوله الأمين.

وعلى آله وصحبه أجمعين. أما بعد:

(Bismillahirrahmannirrahim,

Alhamdulillahilahi Rabbil 'Alamin,

Was-solatu was-salamu 'ala Rasulihil-amin,

Wa'ala aalihi wasohbihi ajma'in.. : amma ba'du)

Yang berusaha Saudara/i Pengerusi Majlis;

Yang Berusaha

Prof. Madya Dr. Muhammad Nasri bin Md Hussain

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa

Yang Berusaha

Dr. Rohani binti Desa

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni

Yang Berusaha

Haji Mohd Fahmi bin Sheikh Omar

Pendaftar

Yang Berusaha

Puan Hajjah Molynda binti Mohd Annuar

Bendahari

Yang Berusaha

Dr Nadia Murshida binti Abd Azzis

Penasihat Undang-Undang

Profesor-Profesor Universiti,

Dekan-Dekan Kulliyah & Ketua-Ketua Jabatan,

Pegawai-Pegawai akademik dan pentadbiran,

Para waris,

**Dan seterusnya pelajar-pelajar baru Sesi Kemasukan Ogos 2023
UniSHAMS yang di kasihi sekalian.**

Asslamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

[KATA PEMBUKA]

Alhamdulillah, marilah kita sama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T, Tuhan sekalian alam kerana dengan limpah rahmat dan izinnya, maka kita dapat bersama-sama dalam **Majlis Taklimat Waris** bagi **Sesi Kemasukan Ogos 2023** di pagi yang penuh barakah ini.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan “**Selamat Datang, Ahlan Wa Sahlan**” kepada seramai hampir (akan dikemaskini) pelajar-pelajar baharu UniSHAMS yang telah pun berjaya mendaftarkan diri pada hari ini. Sekaligus, selamat menjadi sebahagian daripada warga UniSHAMS secara rasminya.

Setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada pelajar yang terpilih untuk memasuki UniSHAMS, kerana disinilah pelajar-pelajar akan menimba ilmu pengetahuan dan membentuk keperibadian diri untuk menghadapi cabaran yang akan datang.

Para waris, saudara dan saudari sekalian,

Sesungguhnya UniSHAMS ini merupakan pilihan tepat untuk melanjutkan pengajian kerana UniSHAMS merupakan salah satu Institusi Pengajian yang mempunyai simbol ketinggian ilmu agama yang terdapat di Negeri Kedah yang dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman. UniSHAMS menawarkan pelbagai program bermula peringkat asasi, diploma, ijazah sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah.

Di kesempatan ini, saya ingin mengajak seluruh warga UniSHAMS khususnya pelajar-pelajar baru, barisan kepimpinan pelajar seperti MPM, persatuan-persatuan, dan tidak terkecuali para waris yang hadir pada hari ini untuk bersama-sama saya serta pihak pengurusan, seiring dan selangkah untuk membangunkan universiti ini ke mercu kejayaan sejajar dengan moto UniSHAMS iaitu “**MELESTARIKAN ILMU MELALUI KEBIJAKSANAAN**”.

Selain berusaha ke arah pertambahan bilangan kemasukkan pelajar, saya dan pihak pengurusan UniSHAMS juga amat menitikberatkan tentang kualiti akademik baik di peringkat prasiswazah mahupun pascasiswazah. Dalam mencapai misi dan visi universiti, seluruh warga UniSHAMS perlu memiliki ciri-ciri yang berkualiti demi mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa menerusi pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, penerbitan serta khidmat masyarakat.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Saya mengharapkan pada tahun ini dan tahun – tahun yang akan datang UniSHAMS akan mencapai pelbagai kejayaan di peringkat tempatan mahupun antarabangsa. UniSHAMS juga perlu lebih giat menjalankan kerjasama strategik bersama institut pengajian tinggi sama ada dari dalam dan juga luar negara.

[HARAPAN KEPADA PELAJAR BAHARU]

Saudara dan saudari sekalian,

Pada kesempatan ini, saya ingin mengingatkan saudara dan saudari sekalian untuk mengamalkan sikap positif dan tekad yang padu untuk berjaya. Mahasiswa dan mahasiswi seharusnya merasakan betapa bertuahnya terpilih untuk melanjutkan pengajian di UniSHAMS ini.

Nasihat saya kepada semua, anda berusaha bersungguh-sungguh untuk memikul tanggungjawab secara kolektif bersama warga Universiti untuk menaikkan nama Universiti ke peringkat yang lebih tinggi dan berada seiring dengan IPT lain di Malaysia.

Kita perlu bersama-sama untuk singkirkan segala sikap negatif, sambil lewa, malas dan suka bertangguh. Tingkah laku dan amalan ini tidak sesuai untuk dipraktikkan dalam budaya kecemerlangan. Di samping itu, hayati keseronokan dan kepayahan ketika mengutip ilmu pengetahuan ketika saudara dan saudari masih bergelar “pelajar”. Segala-galanya bermula disini,

dengan kenangan dan cabaran yang menuntut banyak pengorbanan dan kecekalan, sekaligus membentuk personaliti dan kebolehan pelajar baru.

Tuan, puan, mahasiswa dan mahasiswi sekalian,

Disinilah adalah tapak untuk saudara dan saudari bermula dalam melakar perjalanan seterusnya selaku pelajar UniSHAMS. Kecemerlangan kita mesti diukur bukan sahaja atas kemajuan diri sendiri tetapi sejauh mana kecemerlangan ini juga dapat dikecapi oleh semua disekeliling kita.

Manfaatkan peluang yang amat istimewa ini, jadilah seorang mahasiswa yang cemerlang, berdaya saing, bertanggung jawab dan beretika. InsyAllah, saya dan keseluruhan warga UniSHAMS akan memberi yang terbaik buat saudara dan saudari. Bermula hari ini anda adalah warga UniSHAMS. Kita adalah satu pasukan yang akan sama-sama merealisasikan kecemerlangan yang diimpikan oleh seluruh warga UniSHAMS dan menggalas harapan ibu dan bapa kita.

Para pelajar sekalian,

Bagi para pelajar yang dihantar oleh ibu bapa, ahli keluarga pada hari ini, yang kini berada di dalam dewan ini, pandanglah mereka, berapa tingginya harapan mereka untuk melihat anak – anak mereka berjaya di menara gading. Justeru, berusahalah dengan sedaya mungkin untuk mencapai cita – cita dan memenuhi harapan yang diinginkan oleh ibu bapa dan ahli keluarga.

Program Minggu Silaturahmi yang akan bermula pada 15 sehingga 18 Ogos 2023 merupakan satu usaha pihak universiti untuk memberikan pendedahan kepada mahasiswa dan mahasiswi baru mengenai maklumat universiti yang perlu diketahui bagi memudahkan urusan pembelajaran saudara dan saudari di sini. Ianya termasuklah maklumat berkaitan program akademik dan kemudahan – kemudahan lain yang disediakan oleh universiti. Ianya amat penting kerana maklumat – maklumat ini boleh dijadikan panduan kepada mahasiswa dan mahasiswi sepanjang tempoh pengajian di UniSHAMS.

InsyaAllah, pada masa akan datang pihak pengurusan akan menyediakan pelbagai kemudahan yang lebih baik bagi menjamin keselesaan para pelajar.

[HARAPAN KEPADA WARIS]

Kepada semua waris, pihak pengurusan UniSHAMS ingin menyeru agar para ibubapa akan terus menyokong segala usaha pihak UniSHAMS dalam memastikan nama UniSHAMS terus kukuh di persada tempatan dan juga seantero dunia. UniSHAMS mempunyai pelbagai perancangan yang akan dilaksanakan pada masa hadapan dalam usaha meletakkan anak-anak mahasiswa dan mahasiswi ini sebaris dengan anak-anak mahasiswa dan mahasiswi yang dilahirkan oleh universiti tempatan dan juga luar negara. Sesungguhnya, sokongan yang baik daripada para ibubapa akan menjadi kekuatan UniSHAMS untuk terus berjuang sebaik mungkin demi kelangsungan kejayaan anak-anak bangsa.

[KATA PENUTUP]

Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan jutaan terima kasih sekali lagi kepada para waris serta kakitangan universiti yang telah berusaha menjayakan **Hari Pendaftaran Pelajar Baharu Sesi Kemasukan Ogos 2023** dan sekaligus meraikan pelajar-pelajar baharu bagi sesi ini. Kepada semua para saudara dan saudari baharu saya ucapkan **Semoga Maju Jaya** semasa menuntut di UniSHAMS ini.

Sekian,

Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

----- **TAMAT** -----

Disediakan oleh:

Unit Komunikasi Korporat (UKK),
Pejabat Canselori

14 Ogos 2023